



### **Peraduan Media Sosial Yippie/-i - Terma & Syarat**

1. "Peraduan Media Sosial Yippie/-i" ("Peraduan") bermula pada 18 Ogos 2022 dan tamat pada 31 Disember 2022 (termasuk kedua-dua tarikh), melainkan diberitahu sebaliknya ("Tempoh Peraduan").
2. Peraduan ini dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (196001000142) dan Maybank Islamic Berhad (200701029411) (dirujuk secara kolektif sebagai "Maybank") dan tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat berikut ("Terma dan Syarat").
3. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta Yang Layak (rujuk Klausus 4) bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat ini dan segala keputusan yang dibuat oleh Maybank berkaitan dengan Peraduan ini adalah muktamad dan mengikat.
4. Peraduan ini adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas (bukti pengesahan umur mungkin diperlukan) ("Peserta Yang Layak").
5. Kakitangan Maybank layak menyertai Peraduan ini.
6. Sepanjang Tempoh Peraduan, enam (6) siaran peraduan akan dipaparkan pada akaun rasmi Facebook (<https://www.facebook.com/Maybank/>) dan/atau Instagram Maybank (<https://www.instagram.com/mymaybank/>) ("Siaran Peraduan")
7. Peserta Yang Layak perlu menyarkan gambar/tinggalkan komen yang bersesuaian mengikut langkah yang ditetapkan dalam Siaran Peraduan dalam jangkamasa yang ditetapkan ("Penyertaan Yang Layak")
8. Berkaitan penyiaran sebarang gambar dan/atau komen (dirujuk selepas ini sebagai "Kandungan") di media sosial menurut Klausus 7 di atas, Peserta Yang Layak harus memastikan bahawa Kandungan yang disiarkan dan diterima oleh Maybank (termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat peribadi Peserta Yang Layak):
  - i. telah dipersetujui sewajarnya oleh semua pihak yang muncul atau dirujuk dalam gambar/komen penyertaan untuk menyertai Peraduan ini dan bersetuju kepada Terma dan Syarat ini dan sekiranya kanak-kanak di bawah umur muncul dalam sebarang gambar atau disebut dalam komen, ibubapa/penjaga dianggap telah bersetuju bagi pihak kanak-kanak tersebut.
  - ii. ialah bahan asli daripada Peserta Yang Layak dan tidak melanggar mana-mana hak harta intelek.
9. Peserta Yang Layak memberikan hak kepada Maybank untuk menggunakan sebarang gambar dan/atau bahan lain (yang terdiri daripada Kandungan yang dinyatakan di atas) yang diterima untuk Peraduan ini bagi tujuan pengiklanan, pemasaran dan komunikasi yang dianggap sesuai oleh Maybank tanpa sebarang pampasan kepada Peserta Yang Layak atau mana-mana pihak dan/atau entiti yang lain.
10. Peserta Yang Layak tidak boleh memadamkan Penyertaan Yang Layak pada bila-bila masa sebelum pengedaran hadiah untuk mengelakkan pembatalan kelayakan.
11. Penyertaan Yang Layak yang mengandungi bahan/kandungan tidak sesuai, termasuk tetapi tidak terhad, bahasa kesat, diskriminasi, bahaya kepada nyawa, perbuatan



**Maybank**  
Islamic



**Maybank**

keganasan/penderaan/penyalahgunaan, dan perbuatan seksual/tidak senonoh, akan hilang kelayakan Peraduan ini.

- 12.** Peserta Yang Layak harus memastikan fungsi Direct Messages di Facebook dan/atau Instagram mereka adalah terbuka kepada awam supaya Peserta dapat dihubungi untuk tujuan pengesahan.
- 13.** Pemenang akan dipilih secara rawak dari kumpulan Penyertaan Yang Layak bagi setiap Siaran Peraduan (“Pemenang”). Pemenang akan berhak memenangi hadiah yang ditetapkan dalam Siaran Peraduan (“Hadiah”).
- 14. Pengedaran Hadiah**
  - i. Maybank akan memberitahu Pemenang melalui mana-mana cara komunikasi yang dianggap sesuai oleh Maybank.
  - ii. Hadiah Peraduan ini akan diedarkan dalam tempoh dua (2) bulan selepas peraduan masing-masing berakhir. Contohnya, hadiah bagi peraduan Ogos akan diedarkan sebelum 31 Oktober 2022.
  - iii. Selepas pengedaran, Maybank tidak akan bertanggungjawab lagi ke atas penggunaan Hadiah.
  - iv. Maybank berhak untuk menggantikan Hadiah (nilai yang akan ditentukan oleh Maybank) atas sebab-sebab yang dianggap wajar oleh Maybank.
  - v. Hadiah akan diberi secara sedia ada ('as is' basis) dan tidak boleh dipindah milik atau ditukarkan kepada wang tunai atau apa-apa yang mempunyai nilai yang sama, sama ada sebahagian atau penuh, dan tertakluk kepada Terma dan Syarat.
  - vi. Pemenang bertanggungjawab untuk memastikan maklumat perhubungan yang disimpan dalam rekod Maybank adalah terkini.
  - vii. Sebarang hadiah yang tidak dituntut selama tiga puluh (30) hari selepas pemberitahuan Pemenang dilakukan akan dibatalkan.
- 15.** Pemenang mungkin dikehendaki untuk menghadiri majlis penyampaian Hadiah dan/atau program publisiti lain apabila diperlukan (jika ada) dan Pemenang bersetuju untuk mendedahkan maklumat berkaitan melalui mana-mana cara yang ditentukan oleh Maybank. Kegagalan untuk menghadiri majlis penyampaian Hadiah dan/atau program publisiti lain mungkin akan menyebabkan pembatalan Hadiah.
- 16.** Keputusan Maybank mengenai semua perkara berkaitan dengan Peraduan ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menjurat, rayuan, bantahan atau usaha untuk mempertikaikan perkara yang sama tidak akan dilayan sama sekali.
- 17.** Gambar Hadiah yang dipamerkan dalam iklan, promosi, dan bahan-bahan publisiti lain berkaitan dengan Peraduan ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan spesifikasi sebenar mungkin berbeza.
- 18.** Sebarang pertikaian berkaitan kualiti, kebolehdagangan dan/atau jaminan Hadiah (yang berkenaan) mesti diselesaikan antara Pemenang dengan pengedar/pembekal tanpa melibatkan Maybank. Maybank tidak bertanggungjawab atas pelanggaran kualiti atau jaminan Hadiah, atau apa-apa terma dan syarat yang berkaitan.



- 19.** Setiap Peserta Yang Layak bertanggungjawab secara peribadi keatas segala cukai, kadar, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan, di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada.
- 20.** Jika terdapat apa-apa pertikaian (kecuali pertikaian di bawah Klausula 18) berkaitan pengedaran hadiah atau tiada penerimaan Hadiah, Pemenang dikehendaki menghubungi Perkhidmatan Pelanggan Maybank di 1300 88 6688 untuk meminta siasatan dijalankan. Permintaan terhadap apa-apa siasatan tidak akan dilayan selepas 28 Februari 2023.

**Termasuk Syarat Am**

- 21.** Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kegagalan teknikal, campur tangan, gangguan dan/atau kesalahan elektronik atau manusia dalam pengendalian dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2uBiz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat bahawa masalah bukan disebabkan oleh Maybank.
- 22.** Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, memanjangkan atau menamatkan keseluruhan Peraduan ini atau sebahagiannya dan berhak meminda terma dan syarat yang berikut dari masa ke semasa dengan memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari ("hari" bermaksud hari kalender). Pemberitahuan berkenaan akan disiarkan melalui laman web Maybank2u ([www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my)) atau melalui kaedah komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Maybank. Peserta Yang Layak bertanggungjawab untuk dimaklumkan atau mendapatkan pemberitahuan sedemikian yang disiarkan secara sah.
- 23.** Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta Yang Layak bersetuju untuk melayari laman web Maybank2u ([www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my)) secara berkala untuk membaca terma dan syarat ini dan mendapatkan penjelasan dari Maybank sekiranya mana-mana terma dan syarat tidak dapat difahami sepenuhnya.
- 24.** Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta Yang Layak bersetuju untuk menjadi terikat dengan terma dan syarat serta bersetuju dan memberi kebenaran kepada Maybank untuk mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan Maybank, yang boleh dirujuk di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) ("Notis Privasi Kumpulan Maybank") dan Borang PDPA Untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan dan tanpa menjelaskan terma dalam Notis Privasi Kumpulan Maybank dan Borang PDPA Untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Peserta Yang Layak bersetuju dan memberi kebenaran untuk mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi mereka bagi:

- i) tujuan Peraduan ini; dan
- ii) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang media dan bahan iklan atau publisiti, seperti rakaman audio dan/atau visual yang dipaparkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media digital dan dalam talian dan Internet. Aktiviti pemasaran dan promosi, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan dan/atau penerbitan butiran yang diberikan dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu ramah, serta jawapan dan gambar berkaitan. Berkemaan ini, Peserta Yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai dalam sebarang aktiviti periklanan dan publisiti oleh Maybank yang berkaitan dengan Peraduan ini.

- 25.** Maybank dan semua pegawai, pembantu, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk tetapi tidak terhad kepada, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat bagi tujuan Peraduan ini) tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan yang langsung, tidak langsung, khas, atau diakibatkan oleh (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah) atau berkaitan dengan Peraduan ini, kecuali yang disebabkan oleh kelalaian atau pengecualian berat oleh Maybank.
- 26.** Maybank tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana kegagalan untuk melaksanakan tanggungjawab yang berkaitan dengan Peraduan ini disebabkan oleh kejadian sifat ‘force majeure’, termasuk tetapi tidak terhad kepada, tindakan ‘act of God’, perang, rusuhan, penguncian, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik, atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Maybank.
- 27.** Maybank berhak mengikut budi bicaranya melucutkan/membatalkan/menolak kelayakan mana-mana Peserta Yang Layak yang tidak mematuhi Terma dan Syarat dan/atau didapati atau disyaki mengganggu Peraduan ini dan/atau proses atau operasi Peraduan ini, termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang tipu muslihat dan/atau helah berkaitan dengan Peraduan ini.
- 28.** Terma dan syarat yang dinyatakan disini berkuatkuasa mengikut Undang-Undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.
- 29.** Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklumbalas, dan/atau aduan mengenai Peraduan ini, sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan Maybank di talian utama 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Selain itu, untuk maklumbalas dan/atau aduan, Peserta Yang Layak boleh menghantar emel kepada Maybank melalui borang maklumbalas di laman web Maybank2u ([www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my)).